



SOALAN LAZIM

PROGRAM PENGEKALAN PEKERJAAN – *EMPLOYMENT RETENTION PROGRAM* (ERP)

1. Apakah objektif pelaksanaan Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) dan bila tarikh dikuatkuasakan?

- Program ini bertujuan untuk membantu majikan yang terjejas akibat Covid-19 yang terpaksa mengambil langkah mengurangkan kos operasi dengan pendekatan mengeluarkan notis cuti tanpa gaji.
- Tarikh Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) dikuatkuasakan adalah mulai 1 Mac 2020 sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan oleh PERKESO.

2. Apakah yang dimaksudkan Program Pengekalan Pekerjaan atau ERP?

- Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) ialah bantuan segera (*immediate assistance*) sebanyak RM600 sebulan kepada pekerja yang diminta bercuti tanpa gaji kesan daripada Covid-19.

3. Apakah syarat kelayakan menerima ERP?

- ERP meliputi semua pekerja sektor swasta yang telah berdaftar dan mencarum dengan SIP termasuk pekerja sambilan yang telah mencarum dengan SIP.
- Terhad kepada pekerja yang bergaji bulanan RM4,000 dan ke bawah sahaja.

- Majikan yang melaksanakan cuti tanpa gaji (notis yang telah dikeluarkan kepada pekerja bagi tempoh mulai 1 Mac 2020).

4. Siapakah yang perlu mengemukakan permohonan?

- Semua permohonan perlu dikemukakan oleh majikan bagi pihak pekerja mereka.

5. Bagaimanakah cara memohon ERP?

- Majikan yang telah memenuhi syarat di perenggan 3, boleh menghantar permohonan secara dalam talian yang akan dimaklumkan kemudian melalui Pekeliling Majikan yang dikeluarkan oleh PERKESO.

6. Bagaimanakah cara majikan menyalurkan bayaran bulanan RM600 kepada pekerja?

- Pembayaran bulanan RM600 kepada pekerja tersebut hendaklah dikreditkan terus ke dalam akaun mereka dalam tempoh 7 hari sebaik sahaja bayaran diterima daripada PERKESO.
- Majikan yang gagal untuk menyalurkan bayaran bulanan tersebut kepada pekerja boleh menyebabkan permohonan berikutnya digantung dan tindakan undang-undang akan dikenakan ke atas majikan.

7. Berapa lamakah tempoh layak menerima bantuan ERP?

- ERP yang akan diberikan adalah antara 1 hingga 6 bulan berdasarkan tempoh notis cuti tanpa gaji daripada majikan.

8. Siapakah yang tidak layak memohon ERP?

- Pekerja yang tidak berdaftar dan mencarum dengan SIP
- Pekerja yang bergaji bulanan melebihi RM4,000
- Pekerja yang telah diberhentikan kerja
- Pekerja sektor awam
- Mereka yang bekerja sendiri (tidak mempunyai majikan) termasuk *freelancers*
- Pekerja asing dan pegawai dagang

9. Bagi mana-mana pekerja yang masih tidak dipanggil bekerja semula atau telah diberhentikan, adakah pekerja tersebut masih layak memohon Faedah-Faedah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)?

- Bagi pekerja yang masih tidak dipanggil bekerja semula selepas notis cuti tanpa gaji tamat, pekerja tersebut hendaklah menganggap beliau telah kehilangan pekerjaan dan layak menuntut Faedah SIP.

10. Bagi mana-mana pekerja yang telah diberhentikan, adakah pekerja tersebut masih layak memohon faedah-faedah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)?

- Ya, sekiranya pekerja diberhentikan kerja, pekerja-pekerja tersebut layak memohon faedah kehilangan pekerjaan termasuk program penempatan semula pekerjaan dan program latihan kemahiran di mana yuran latihan dan elaun menjalani latihan akan ditanggung sepenuhnya oleh PERKESO.
- Pekerja yang diberhentikan juga boleh mendaftar dengan EISJobs Portal untuk mencari pekerjaan (eisjobs.perkeso.gov.my).

11. **Apakah dokumen sokongan yang perlu dikemukakan oleh majikan semasa membuat permohonan ERP?**

- Surat **Notis cuti tanpa gaji** yang mengandungi senarai pekerja terlibat
- Majikan perlu mengisi maklumat lengkap di **Borang Permohonan ERP C-19** yang akan diedarkan bersama **Pekeliling Majikan**.

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi **Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO** di talian **1-300-22-8000** **ATAU** emel kepada perkeso@perkeso.gov.my **ATAU** menyalurkan aduan/pertanyaan melalui [facebook.com/perkeso.official](https://www.facebook.com/perkeso.official) .

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

17 Mac 2020